

TARIKH	JUMAAT, 3 FEBRUARI 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	BELANJAWAN 2023 TUMPU R&D PRODUK KOMODITI
M/S	25
BIDANG	BUSINESS
KATA KUNCI	

Belanjawan 2023 tumpu R&D produk komoditi

Kementerian Perladangan dan Komoditi akan memberi tumpuan kepada peruntukan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam tujuan memasarkan produk negara ke peringkat antarabangsa dalam Belanjawan 2023, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata, ini perlu kerana negara terlalu bergantung kepada import, pada masa sama, perlu memastikan agar penerimaan produk dapat dikekalkan.

“Oleh itu, kita perlukan pembabitkan serta melantik pakar luar negara untuk kita berunding dan memastikan produk diterima.

“Selain bekerjasama dengan syarikat besar industri, kita juga kena lihat pekebun kecil sebab itu dalam konteks kayu kayan ini kita perlu lihat perladangan komuniti, selain produk baharu seperti kanabis, jika ia boleh dijadikan salah satu komoditi,” katanya dalam program Naratif Khas bersama Timbalan Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung oleh RTM.

Piawai antarabangsa

Sementara itu, beliau berkata, banyak usaha sudah pun dibuat



Fadillah pada program Naratif Khas bersama Timbalan Perdana Menteri di Wisma Berita Angkasapuri, Kuala Lumpur, kelmarin.
(Foto BERNAMA)

dan akan terus dilaksanakan kerajaan misalnya memperkenalkan standard yang hampir mencapai piawai antarabangsa bagi memenuhi segala komitmen kemampanan dan kelestarian.

“Pada peringkat Malaysia, memang kita memberikan komitmen untuk tidak membuka ladang baharu, maknanya hutan tidak lagi akan diterokai tetapi yang

akan ada adalah penghijrahan daripada kelapa kepada sawit, yang membabitkan pekebun kecil.

“Yang mungkin mencabar ialah bagaimana pekebun kecil ini dapat memenuhi standard yang telah ditetapkan.

“Di Malaysia kita memperkenalkan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) pada peringkat

antarabangsa ada juga Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO), supaya kita akan dapat memasarkan produk,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia akan berbincang dengan Indonesia pada minggu depan mengenai bagaimana untuk menyusun strategi supaya perkara ini mendapat perhatian dari Kesatuan Eropah (EU).
BERNAMA